



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/1/2020	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Bekalan air di Klang pulih sepenuhnya

**SHAH ALAM** - Gangguan bekalan air di wilayah Klang berikutan masalah bekalan kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Loji Rawatan Air Sungai Selangor 1, 2 dan 3 yang berlaku kelmarin, pulih sepenuhnya semalam.

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, pemantauan pada sistem agihan mendapati bekalan air di kawasan berkenaan pulih pada jam 7 pagi semalam.

Bagaimanapun katanya, bekalan air di Bukit Kerayong, wilayah Kuala Selangor masih dalam proses pemulihan disebabkan kedudukan di penghujung kawasan agihan.

“Kawasan (Bukit Kerayong) ini dijangka pulih sepenuhnya pada jam 3 petang ini (semalam),” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Abdul Halem berkata, pihaknya sedang melakukan segala usaha bagi mempercepatkan proses pemulihan di kawasan yang masih belum pulih sepenuhnya.

Pengguna yang ingin mendapatkan perkembangan terkini berhubung gangguan tersebut boleh merujuk aplikasi telefon pintar Air Selangor atau platform media sosial Air Selangor seperti Facebook, Instagram dan Twitter atau layari laman sesawang di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).